

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Tuesday, 7 March, 2017 10:05 AM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin
Subject: HEP ONLINE: KESANU 2017 JALINKAN HUBUNGAN ERAT ANAK NEGERI



7 MAC 2017, SELASA | 8 JAMADILAKHIR 1438H



HEP ONLINE: Pasukan Gerakan Mahasiswa Pahang (GEMA) Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menjuarai pertandingan bola sepak 9 sebelah manakala pasukan Mahasiswa Anak Kedah Darul Aman (MAKDA) UUM menjuarai pertandingan bola jaring dalam Kejohanan Sukan Anak Negeri UUM (KESANU) 2017.

GEMA UUM merangkul hadiah berupa wang tunai RM200 beserta hamper. Manakala tempat kedua dirangkul oleh INASIS SME Bank atau dikenali sebagai SME Titans dan membawa pulang wang tunai RM150 beserta hamper. Persatuan Mahasiswa Anak Terengganu (PERMATA) UUM di tempat ketiga dan membawa pulang wang tunai RM100 beserta hamper manakala pasukan MAKDA UUM telah mendapat tempat saguhati.

Bagi pertandingan bola jaring, MAKDA UUM merangkul hadiah berupa wang tunai RM200 beserta hamper. Manakala tempat kedua dirangkul oleh PERMATA UUM dan membawa pulang wang tunai RM150 beserta hamper. Persatuan Anak Kelantan (CAKNA) UUM di tempat ketiga dan membawa pulang wang tunai RM100 beserta hamper manakala pasukan Gabungan Mahasiswa Anak Perak (GMAP) UUM telah mendapat tempat saguhati.

Program yang berlangsung selama sehari pada 3 Mac 2017 lalu di Kompleks Sukan UUM mendapat sambutan yang menggalakkan. Antara pasukan yang terlibat adalah PERMATA UUM, GEMA UUM, MAKDA UUM, GMAP UUM, INASIS SME BANK dan CAKNA UUM.

Program tersebut bertujuan menjalinkan perhubungan yang baik antara Persatuan Anak Negeri disamping menyediakan platform efektif dalam mengajak mahasiswa membudayakan hidup sihat secara berterusan.

Kejohanan ini telah mendapat sumbangan daripada Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Perusahaan Perladangan dan Komoditi Negeri Terengganu, YB Dato' Haji Muhammad Pehimi Yusof dan hadiah telah disampaikan oleh Penasihat PERMATA UUM, En. Suhaimi Ismail.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.